

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	19/12/2019	MUKA SURAT	: 50
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Legatembok penahan dibina

Penduduk diancam masalah hakisan pantai sejak empat bulan lalu

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

Alor Gajah: Penduduk di Kampung Pantai, Kuala Sungai Baru, dekat sini, lega berikutan projek pembinaan tembok penahan ombak di pantai berhampiran kediaman mereka, sudah mula dilaksanakan.

Kawasan itu diancam masalah hakisan pantai sejak kira-kira empat bulan lalu, sekali gus menyebabkan penduduk bimbang rumah mereka akan roboh didadi ombak besar, terutama waktu malam.

Namun, mereka bersyukur selepas dua jentera pengorek dilihat memulakan kerja membina tembok penahan ombak sepanjang kira-kira 100 meter (m) dan tinggi 3.6m sejak dua minggu lalu.

Penduduk, Norizam Suboh, 54, berkata ombak besar sebelum ini turut memusnahkan pangkin ka-



Norizam (kiri) dan Noraini memerhatikan kerja pembinaan tembok penahan ombak di Kampung Pantai, Kuala Sungai Baru, Alor Gajah.
[Foto Hassan Omar/BH]

yu di belakang kediamannya.

“Saya amat bimbang apabila ombak kini tertalu hampir dengan dinding dapur, lebih-lebih lagi pada musim hujan sekarang, menyebabkan hakisan semakin meluas sehingga boleh mengancam nyawa dan harta benda kami,” katanya ketika ditemui di kampung itu, semalam.

Jirannya, Noraini Mohamad, 68, berkata walaupun sudah ada banteng pemecah ombak sepanjang kira-kira 50m dibina sebelum ini, ia tidak mampu menghadapi kesan fenomena alam, te-

rutama ribut dan musim tengkujuh.

“Alhamdulillah, rintihan kami didengar kerajaan negeri yang segera menyediakan peruntukan bagi membina tembok penahan ombak di sini. Insya-Allah, diharapkan masalah hakisan akibat ombak besar tidak lagi berlalu selepas ini,” katanya.

Beliau menjelaskan, ombak besar dan hakisan pernah mengancam kediaman penduduk di tepi pantai itu kira-kira 15 tahun lalu, namun masalah dapat diatasi melalui pembinaan banteng pem-

cah ombak yang menganjur ke laut sebelum mereka berdepan dengan masalah keadaan sekarang.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka, Abdul Hakim Hamzah, berkata pembinaan tembok penahan ombak terbahit dijalankan hampir serentak dengan projek sama di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, dan Kampung Tengah, Kuala Sungai Baru, sebagai antara langkah mengatasi masalah hakisan pantai di Melaka Barat.